# KEMUNGKINAN UNTUK MENGADAKAN PASAR SENI DI KUCHING SARAWAK

DI SEDIAKAN OLEH

| | Nama | No I.C ITM | Kelas |
|---|---|---|---|
| 1. | Kamaruddin Ahmed | 84792065 | DBS 6J |
| 2. | Abg. Jamallidon Abg. Ullie | 84796748 | DBS 6G |
| 3. | Beraim Hossen | 83887696 | DBS 6D |
| 4. | Iskandar Arabi | 84003612 | DBS 6E |
| 5. | Abdillah Besar | 84792337 | DBS 6E |

PENASIHAT

PN. RASKINAH MOHD. NOOR

DIPLOMA IN BUSINESS STUDIES

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

SHAH ALAM

SELANGOR DARUL EHSAN

1987

ISI KANDUNGAN MUKASURAT

PENGHARGAAN

1. Pendahuluan 4
2. Pengenalan 5
3. Penyata Masalah 9
4. Objektif 11
5. Hipothesis 12
6. Definasi Istilah 13
7. Skop Penyelidikan 14
8. Batasan-batasan 15
9. Methodologi 18
10. Analisa Soal Selidik 31
11. Penemuan dari soal selidik dan temubual serta pemerhatian 47
12. Pembuktian Hipothesis 56
13. Cadangan 65
14. Kesimpulan 72
15. Penutup. 73
16. Lampiran
17. Biblograpi

PENGHARGAAN

Kami merasa bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan berkat dan keizinannya, penyelidikan ini telah dapat disiapkan dalam jangkamasa yang ditetapkan.

Di sini kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penasihat projek ini, Puan Raskinah Md. Noor, Pensyarah di Kajian Perniagaan dan Pengurusan yang telah banyak memberikan teguran, nasihat galakan, bimbingan, panduan dan kritikan-kritikan yang membina sewaktu perancangan dan perlaksanaan projek ini sehingga selesai.

Di samping itu ucapan terima kasih juga kami tujukan kepada nama-nama yang berikut di atas kerjasama mereka di dalam membantu menyiapkan projek ini.

1. En. Yeop Husin
   Pensyarah Business Research
   Kajian Perniagaan dan Pengurusan
   Institut Teknologi Mara
   40450 Shah Alam.
2. En. Lucas Chin
   Pengarah Muzium Sarawak
3. John Teo
   Sarawak Tourist Assocation
4. En. Halim
   Pengarah Kemajuan Kraftangan Malaysia
   Cawangan Sarawak.

5. En. Radzi

Penolong Pengarah

Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan

Sarawak

6. Daniel Ragam

Setiausaha Persatuan Kebangsaan Dayak

Sarawak

7. Persatuan Artis Sarawak

8. En. Yahya Sulaiman

Ketua Penyunting

Filem Negara Malaysia

Cawangan Sarawak

9. En. Jack Karin

Institut Teknologi Mara

Cawangan Sarawak

10. En. Wilson Freni Affrin

555, Taman Jaya

Kuching

11. Puan Junaidah serta suami

53 Jalan Ajibah Abol

Kuching.

12. Fedrick Wong

79 Main Bazaar

Kuching

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Izza dan Fariz yang telah menaipkan projek ini juga kepada rakan-rakan dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan projek ini.

PENDAHULUAN

Penyelidikan ini merupakan satu kajian mengenai kemungkinan untuk mendirikan sebuah Pasar Seni di Kuching. Ianya menyentuh perkara-perkara dari segi sambutan penduduk tempatan dan untuk mengetahui prospek pasar seni sekiranya didirikan di Kuching.

Pasar Seni adalah merupakan sebuah tempat untuk mengumpul segala hasil-hasil seni tempatan untuk dipamerkan dan seterusnya di pasarkan. Segala aktiviti yang akan diadakan di Pasar Seni nantinya akan dapat mengambarkan keadaan hidup setiap suku kaum di negara ini khususnya dari Sudut Seni Budaya bangsa di negeri Sarawak.

Kuching adalah merupakan ibu negeri bagi negeri Sarawak. Di sinilah bertumpunya segala aktiviti dari segi ekonomi, sosial dan politik negeri. Kuching juga adalah merupakan pusat keluar masuknya pelancung-pelancung samada dari Semenanjung mahupun dari luar negeri. Oleh kerana faktor faktor inilah kami memilih Kuching sebagai tempat dicadangkan untuk di bina sebuah Pasar Seni. Kajian ini hanya tertumpu kepada kawasan Kuching sahaja.

Di antara aspek yang dikaji ialah masalah yang membawa kepada perlunya diwujudkan sebuah Pasar Seni iaitu masalah dari segi pemasaran dan pendedahan hasil-hasil seni, peluang-peluang perniagaan, sambutan penduduk tempatan dan badan-badan tertentu samada dari pihak kerajaan mahupun pihak swasta.

PENGENALAN

Sarawak adalah sebuah negeri yang terbesar di Malaysia dengan jumlah penduduk seramai 1.514 juta orang [1]. Sarawak adalah sebuah negeri yang penduduknya terdiri dari pada berbagai kumpulan etnik seperti orang Melayu, Melanau, Iban, Cina dan lain-lain lagi.

Setiap kaum mempunyai pegangan dan cara hidup serta kebudayaan yang tersendiri [2]. Sebab itulah Sarawak dikatakan sebagai sebuah negeri yang kaya dengan hasil-hasil seni budaya bangsanya samada dari segi pertuturan, pakaian, tarian, hasil kraftangan yang unik dan sebagainya.

Dengan adanya pemodenan dan kemajuan hidup, penduduk di negeri ini sedikit sebanyak telah mengenepikan seni budaya dan hasil-hasil kraftangan warisan bangsa. Dengan peningkatan taraf hidup dan pendidikan golongan generasi muda, pencinta-pencinta seni sering menyatakan kebimbangan mereka terhadap pupusnya seni di Sarawak [3].

---

1. Perangkaan Tahun 1980, Banci Penduduk dan perumahan 1980.
2. Hassan Mat Nor, Sarawak : Satu pengenalan tentang penduduknya , Dewan Budaya , Ogos 1982
3. Teks Ucapan Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud di Sarikei, Sarawak pada 13hb. April 1987.

Begitu juga dengan usaha badan-badan tertentu khususnya Kementerian Kebudayaan Belia dan sukan Negeri Sarawak yang kurang memberikan galakan dalam usaha untuk menubuhkan kumpulan kesenian dan kebudayaan seperti kumpulan-kumpulan nyanyian, tarian dan sebagainya bagi setiap kaum kecuali bila tibanya perayaan-perayaan tertentu sahaja. Maka peluang penduduk tempatan dan pelancung untuk menyaksikan pertunjukan kesenian dan kebudayaan adalah terbatas pada hari-hari perayaan tersebut sahaja.

Begitu juga dengan peranan yang dimainkan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Sarawak yang berusaha untuk menggalakkan penduduk tempatan Sarawak supaya mengekalkan dan mengusahakan hasil- hasil kraftangan. Di sebaliknya itu, badan ini tidak begitu berkesan dari segi memasarkan barangan kraftangan. Pasaran barangan kraftangan ini adalah tidak strategik iaitu tidak didedahkan kepada umum secara meluas.

Memandangkan kepada masalah ini ringkasnya dapatlah dikatakan bahawa Sarawak amat memerlukan satu tempat yang dapat memasarkan sesuatu hasil-hasil seni. Jadi sebuah penubuhan "Pasar Seni" amatlah diperlukan kerana di sini budaya setiap kaum, meliputi hasil-hasil kraftangan dan juga hasil-hasil seni yang lainnya. Ini seterusnya dapat memasarkan segala hasil-hasil seni dengan lebih meluas dan berkesan lagi.

Di samping itu juga dengan adanya Pasar Seni dijangka akan memberikan peluang kepada penduduk untuk memasarkan sendiri hasil-hasil seni mereka sambil dapat berhubung sendiri dengan pelanggan. Ini sangat penting kerana pelanggan kadang-kadang berkehendakkan sesuatu yang berlainan. Mereka juga akan dapat mempamirkan cara-cara menghasilkan atau membuat sesuatu hasilan mereka. Dengan secara tidak langsung, ini akan menggalakkan golongan belia khasnya, untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan dengan menjadikan bakat seni sebagai sumber pendapatan. Ini dapat kita perhatikan dengan mengambil contoh peranan yang dimainkan oleh "Central Market" di Kuala Lumpur yang ternyata keberkesanannya ke arah itu.

## PENYATA MASALAH

Masalah-masalah yang membawa kepada perlunya diadakan Pasar Seni di Kuching Sarawak ialah :

3.1 Masalah pendedahan dan pemasaran hasil-hasil seni.

Hasil-hasil seni penduduk Sarawak kurang pendedahan secukupnya oleh badan-badan tertentu, dan walupun usaha mempamirkan dan mendedahkan hasil-hasil seni ini pernah dibuat tetapi tidak merangkumi semua seni tempatan yang ada.

Begitu juga dengan pemasaran hasil-hasil seni, di mana kurang usaha dibuat untuk memasarkannya di satu pusat yang khas. Selama ini pasaran bagi hasil-hasil seni contohnya kraftangan dan tembikar Sarawak, hanya dipasarkan di tempat-tempat yang berselerak. Ini menyukarkan usaha untuk mendapatkannya.

3.2 Masalah ketiadaan Pusat Khas Kesenian

Seperti yang telah dinyatakan kebanyakan hasil-hasil seni tempatan adalah berselerak. Usaha untuk mempamirkan dan mendedahkan kesenian kaum-kaum di negeri ini terpaksa menghadapi masalah untuk mencari tempat yang sesuai dan strategik. Pendek kata, masalah yang timbul ialah tidak terdapatnya satu pusat khas untuk mengumpulkan semua hasil-hasil seni tempatan.

3.3 Masalah peluang perniagaan

Di Sarawak kini, kebanyakan mereka yang mempunyai

bakat dalam berbagai bidang seni, khasnya lepasan sekolah sama ada di peringkat menengah atau dari Institusi Pengajian Tinggi tidak berpeluang untuk menjadikan bakat seni mereka untuk dijadikan sebagai sumber pendapatan.

Sebagai contohnya, golongan belia yang berbakat melukis, membuat barangan cenderamata, kad-kad ucapan, mengecap 'T-Shirt' dan sebagainya, terpaksa melakukan usaha mereka di kaki-kaki lima kedai. Ini adalah disebabkan tidak terdapatnya tempat yang membolehkan mereka melakukan perniagaan mereka. Masalah ini juga menyekat para pengusaha kraftangan dari kaum-kaum yang terdapat di Sarawak untuk memasarkan sendiri hasil-hasil seni mereka.

4. Objektif

Objektif penyelidikan adalah bertujuan :

4.1 Untuk mengetahui pendapat masyarakat Kuching tentang pendedahan serta pasaran hasil-hasil seni masyarakat Sarawak.

4.2 Meninjau pendapat masyarakat Kuching tentang penerimaan mereka sekiranya ditubuhkan Pasar Seni di Kuching.

4.3 Untuk mengetahui apakah prospek Pasar Seni sekiranya ditubuhkan di Kuching.

5. <u>Hipothesis</u>

5.1 Berikut adalah hipothesis bagi kajian ini.

5.1.1 Pendedahan hasil-hasil seni penduduk tempatan tidak berkesan dan meluas.

5.1.2 Pasaran hasil-hasil seni tempatan tidak meluas.

5.1.3 Penduduk tempatan bersetuju dengan idea penubuhan pasar seni di Kuching Sarawak.

6. <u>Definasi istilah</u>

Berikut adalah beberapa istilah yang digunakan dalam kajiselidik ini.

6.1 Pasar

tempat barang-barang dikumpul dan dipamerkan untuk tujuan penjualan. Dengan kata lainnya tempat orang berjual beli.

6.2 Seni

6.2.1 Halus, tipis dan enak didengar serta comel.

6.2.2 Karya yang diciptakan dengan bakat dan kecekapan. Hasil daripada sesuatu ciptaan.

6.3 Pasar Seni

Tempat atau pusat untuk mengumpul dam mempamirkan seterusnya memasarkan sesuatu hasil daripada sesuatu ciptaan.

7. Skop Penyelidikan

(Tumpuan Penyelidikan)

7.1 Perkara

Tumpuan penyelidikan yang telah diselidik berdasarkan kepada 2 perkara.

7.1.1 Sambutan masyarakat Kuching

7.1.2 Prospek pasar seni

Penyelidikan juga menekankan kepada masalah dari segi pendedahan dan pasaran hasil-hasil seni Sarawak khasnya di Kuching.

7.2 Responden

Responden yang dipilih terdiri dari semua kaum yang terdapat di Kuching bagi tiap peringkat umur, jantina dan status. Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan sebarang keputusan yang berat sebelah dalam pemilihan responden.

7.3 Kawasan

Kawasan di mana penyelidikan telah dijalankan betumpu kepada keseluruhan kawasan Kuching.

8. Batasan-batasan

Batasan-batasan kerja yang timbul di dalam mengendalikan kaji selidik untuk mengujudkan sebuah Pasar Seni di Kuching adalah :-

8.1 Skop yang terhad

Penyelidikan dijalankan hanya tertumpu kepada penduduk di Kuching saja. Oleh itu maklumat yang diperolehi tidak lengkap dan terperinci.

8.2 Kejituan maklumat

Maklumat-maklumat yang diperolehi dari borang kaji selidik yang telah diedarkan adalah tidak lengkap kerana responden kurang memberi kerjasama dalam menjawab soalan-soalan yang telah disediakan.

Terdapat juga mereka yang ditemuduga secara berdepan kurang memberikan kerjasama kepada penyelidik dalam usaha mendapatkan maklumat. Semasa penganalisaan soal selidik dilakukan terdapat juga kesilapan kerana kurang pengalaman dari pihak penyelidik. Oleh kerana kajiselidik ini adalah yang pertama seumpamanya dibuat di Kuching. Kebanyakan maklumat hanya diperolehi berdasarkan dari Kedah data prima.

8.3 Kemahiran

Kekurangan dan kelemahan pihak penyelidik di bidang statistik membataskan usaha untuk menggunakan kaedah statistik yang sepenuhnya untuk melengkapkan kajian ini terutamanya dalam usaha untuk membuat penganalisaan data.

8.4 Pembatasan persampelan

Penilaian sampel merupakan masalah utama yang dihadapi oleh penyelidik dalam menentukan jumlah sponden. Ini adalah kerana tidak semua sampel yang dipilih benar-benar mewakili populasi yang dikehendaki.

Terdapat segelintir responden yang telah dipilih melalui persampelan ini kurang bekerjasama jadi membataskan usaha untuk mendapat data-data yang tepat.

8.5 Bahasa

Sarawak terdiri daripada berbagai kaum. Oleh kerana itu terdapat berbagai-berbagai bahasa pertuturan yang berbeza. Ini menyulitkan penyelidik untuk berhubung dengan responden terutamanya bagi mereka yang tidak tahu bertutur samada di dalam Bahasa Malaysia mahupun Bahasa Inggeris. Penyelidikan terpaksa menggunakan orang tengah (Interpreter) dan ini membataskan usaha untuk mendapatkan maklumat yang tepat.

8.6 Masa

Masa yang diperuntukan adalah terlalu singkat untuk memperolehi maklumat daripada setiap sampel yang dipilih. Untuk menemuduga orang tertentu, masa yang sesuai terpaksa dipilih supaya tidak menganggu tugas rasmi mereka.

8.7 Kewangan

Ketiadaan badan-badan tertentu untuk membiayai kajiselidik ini sedikit sebanyak menjejaskan perancangan yang telah dibuat. Setiap ahli terpaksa menanggung pembiayaan kaji selidik ini secara persendirian.

## 9. METHODOLOGI

### 9.1 Corak Kajian

Kajian ini bercorak descriptif, di mana data-data yang dikumpul berdasarkan kepada objektif dan hipothesis yang telah digariskan. Kajian ini lebih menekankan dari aspek untuk mengetahui sambutan masyarakat Kuching. Sekiranya didirikan sebuah Pasar Seni, masalah tentang pasaran dan pendedahan hasil-hasil seni serta prospek pasar seni, sekiranya dibina di Kuching.

Dengan kajian bercorak descriptif ia mungkin dapat memberi gambaran secara menyeluruh dan tepat terhadap sesuatu situasi.

Segala maklumat yang diperolehi untuk membantu

kami dalam membuat keputusan secara rasional adalah berdasarkan kepada

i) Data Prima

ii) Data Sekunder

9.1.1 Data Prima

Kaedah kaedah berikut telah digunakan untuk mendapatkan data prima yang memberikan maklumat maklumat yang berkaitan dengan penyelidikan. Kaedah yang digunakan ialah

9.1.1.1.1 Ujian Soal Selidik

Sebanyak 30 borang soal selidik telah diedarkan di Kuching dan di Kampus. Borang soal selidik telah diedarkan seperti berikut :-

| | | |
|---|---|---|
| Melayu/Melanau | : | 3 |
| Dayak Laut | : | 2 |
| Dayak Darat | : | 2 |
| China | : | 3 |
| Lain-lain | : | 2 |
| Penuntut lelaki | : | 9 |
| Penuntut Perempuan | : | 9 |
| | | 30 |

Tujuan borang soal selidik diedarkan adalah untuk mengetahui kelemahan kelemahan yang terdapat dalam soal selidik. Juga bertujuan untuk mempastikan

tidak terdapatnya soalan yang mengelirukan dan sensitif. Hasil dari pengedaran ini kami telah dapat mempastikan kelemahan-kelemahan soal selidik dan dapat diperbetulkan sebelum ia diedarkan kepada responden yang sebenar.

9.1.1.2 Pengedaran soal selidik

Sebanyak 350 borang soal selidik telah diedarkan kepada responden di Kuching berdasarkan corak persampelan yang telah ditetapkan.

Pengedaran bermula dari 7hb. Jun hingga 4 Julai 1987

9.1.1.1.2 Struktur Soal selidik

Soalan soalan dalam soal selidik adalah berbentuk 'dose ended' dan beberapa soalan terbuka.

Tujuan mengadakan soalan-soalan berbentuk begini adalah seperti berikut :-

i. menyenangkan para responden dalam memberi sebarang jawapan serta menjimatkan masa

ii. jawapan yang diberikan adalah setara jadi ianya dapat mengelakkan sebarang kekeliruan pada pihak kami.

iii. memudah dan menyenangkan proses menginterprestasikan data-data.

iv. dapat mengawal sebarang 'blasness' pada tahap yang paling maksimum.

v. mendapat berbagai pendapat masyarakat Kuching sekiranya ditubuhkan Pasar Seni di Kuching.

9.1.1.1.4 Data-data dalam soal selidik

Soal selidik mengandungi 3 bahagian :-

Bahagian A - Data Peribadi

Bahagian B - maklumat mengenai pasaran dan pendedahan hasil-hasil seni tempatan.

Bahagian C - maklumat mengenai pandangan sambutan serta prospek Pasar Seni

Ketiga-tiga bahagian ini mempunyai pertalian antara satu sama lain dan dapat memberi satu gambaran tentang pendedahan dan pasaran hasil seni seterusnya sambutan serta prospek Pasar Seni itu sendiri.

Bahagian A

Aspek aspek yang telah ditekankan dalam bahagian ini ialah mengenai bangsa, agama, umur, kerjaya pendapatan dan lain-lain.

Bahagian B

Di bahagian ini bertujuan untuk mengetahui samada responden gemar atau tidak seni dan untuk mengetahui sejauhmana responden berkesanggupan untuk menjadikan bakat seni sebagai sumber pendapatan.

Juga bertujuan untuk mengetahui sejauhmana keberkesanan pasaran dan pendedahan hasil seni tempatan.

Bahagian C

Bahagian ini lebih menekankan kepada aspek-aspek seperti :-

a) Pendapat masyarakat tempatan tentang pasaran dan pendedahan hasil-hasil seni.

b) meninjau pendapat masyarakat tempatan tentang idea untuk mengetahui samada dalam ianya menguntungkan masyarakat tempatan.

9.1.1.2 Temubual

Berbagai golongan dan peringkat responden agensi-agensi telah ditemubual untuk mendapatkan suatu analisa yang baik dan memuaskan.

Di antara yang sempat kami temubual ialah :-

a) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sarawak.

Kementerian ini dipilih untuk ditemubual adalah kerana Kementerian inilah bertanggungjawab khasnya dalam usaha memelihara dan mengatur segala aktiviti yang berkaitan dengan seni budaya tempatan.

b) Perbadanan Kemajuan kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak.

Badan ini dipilih kerana ianya dapat memberi segala maklumat tentang perkembangan , pasaran hasil-hasil kraftangan di Sarawak.

c) Muzium Negeri Sarawak

Sumber untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan penduduk serta kebudayaan setiap bangsa Di Sarawak. Ini juga dapat membantu dalam usaha untuk mengetahui sejauhmana keberkesanan muzium dalam memainkan peranannya. Khasnya dalam usaha untuk mendedah kebudayaan setiap suku kaum di negeri ini.

d. Perbadanan Kemajuan ekonomi Negeri sarawak (SEDC) dan Perbadanan Kemajuan Pelancungan Sarawak (TDC)

Perbadanan ini dipilh untuk mendapatkan maklumat dari segi ekonomi iaitu untuk mengetahui adakah Pasar Seni dapat menyumbangkan sumber pendapatan kepada negeri Sarawak sekiranya ditubuhkan.

e. Persatuan Melayu, Persatuan Dayak dan Persatuan China Di Sarawak.

Persatuan ini dipilih untuk ditemubual untuk mengetahui peranan setiap persatuan ini dalam mengembangkan aktiviti aktiviti kaum masing-masing. Juga untuk mengetahui samada setiap persatuan ini berkesanggupan atau tidak untuk menyumbangkan sesuatu untuk mewakili kaum masing-masing.

f. Pengusaha-pengusaha tembikar, persatuan Artis Sarawak dan lain-lain.

Mereka ini dipilih kerana dapat membantu dalam usaha untuk mendapatkan maklumat tentang pasaran, pendedahan serta perkembangan kegiatan mereka dalam bidang masing-masing.

9.1.1.3 Tinjau rintis dan pemerhatian

Tinjau rintis dan pemerhatian telah dilakukan di sekitar Kuching untuk mengetahui keadaan pasaran dan pendedahan hasil-hasil seni serta meninjau aktiviti-aktiviti penduduk tempatan dalam bidang seni.

9.1.1.4 Persampelan

Persampelan secara sistematik dan rawak telah digunakan bagi menentukan jumlah responden yang perlu untuk dipilih.

Persampelan secara sistematik dan rawak digunakan di dalam kajian ini kerana struktur populasi di Kuching dapat dibahagi-bahagikan mengikut kaum-kaum. Berdasarkan struktur tersebut satu sistem persampelan secara sistematik dapat dibuat. Daripada struktur ini responden dipilih secara rawak bagi mewakili tiap-tiap struktur ini.

i) Saiz Sampel

Kuching adalah sebuah bandar yang penduduknya seramai 299,330 orang. Kuching dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Majlis Perbandaran Kuching dan Majlis Daerah Bandar Kuching.

Jumlah sampel yang diperlukan adalah di kira dengan menggunakan kaedah seperti berikut :-

$$So = PQ\ (1 - {}^{n}/N)$$

di mana ,

N = Saiz sampel

So = Kemungkinan maksimum anggaran salat

P = % jumlah penduduk Majlis Perbandaran Kuching dan yang di soal selidik.

Q = % jumlah penduduk Majlis Daerah Luar Bandar Kuching yang di soal selidik

Bagi tujuan mendapatkan saiz sampel 0.03 digunakan sebagai nilai So. Dengan itu nilai kemungkinan maksimum anggaran salat ialah 0.03. Nilai P adalah 0.6 iaitu % penduduk Majlis Perbandaran Kuching yang disoal selidik. Nilai Q adalah 0.4 iaitu % jumlah penduduk Majlis Daerah Luar Bandar Kuching yang disoal selidik. Manakala $(1 - \frac{n}{N})$ adalah nilai 1 iaitu mewakili setiap responden.

Bagi menjamin yang saiz sampel pada tahap yang paling cukup maka.



Bahagian Perkhidmatan Pembaca
(Bangunan Tambahan)
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Institut Teknologi MARA
Shah Alam.

$$So = \sqrt{\frac{(1 - \frac{n}{N})}{N}}$$

$$0.03 = \sqrt{\frac{0.6 \times 0.4}{N}}$$

$$0.03 = \left(\frac{0.6 \times 0.4}{N}\right)^{1/2}$$

$$0.03 = \frac{0.6 \times 0.4}{N}^{1/2 \times 2}$$

$$N = \frac{0.24}{0.0009}$$

$$= 267$$

Jumlah saiz sampel yang di perlukan ialah 267 orang. Jumlah sampel yang dipilih ialah 350 orang tetapi 65 orang tidak memulangkan borang soal selidik yang diberikan dan 18 orang telah tidak menjawab mengikut arahan yang ditetapkan, maka kami mengendalikan sebagai rosak.

ii) Penentuan jumlah responden mengikut kaum-kaum.

Dalam proses ini responden dibahagikan mengikut kaum. Peratus

responden digunakan untuk menentukan jumlah responden yang diperlukan bagi kaum-kaum tersebut. Peratus responden dapat dikira berdasarkan anggaran penduduk Kuching pada tahun 1985 iaitu berjumlah seramai 299,330 orang .

Jumlah ini digunakan untuk mencari peratus bagi 267 responden.

Pengiraannya adalah seperti berikut:

$$\text{Peratus responden} = \frac{\text{Jumlah responden}}{\text{Jumlah penduduk Kuching}}$$

$$= \frac{267}{299,330}$$

$$= 0.000891992$$

Untuk mengira jumlah responden diperlukan bagi tiap-tiap kaum, pengiraannya seperti berikut :-

$$\text{Jumlah responden diperlukan bagi tiap-tiap} = \text{jumlah kaum} \times \text{peratus responden}$$

Melayu/ Melanau :

$$108049 \times 0.0008919992$$

$$= 96 \text{ orang}$$

Dayak Laut :

16928 x 0.000891992

= 15 orang

Dayak Darat :

35838 x 0.000891992

= 32 orang

China :

131846 x 0.000891992

= 118 orang

Lain-lain :

6669 x 0.000891992

= 6 orang.

9.1.2 Data Sekunder

9.1.2.1 Risalah

Risalah-risalah digunakan sebagai sumber rujukan. Risalah ini berbentuk penerangan mengenai Pasar Seni yang didapati daripada Central Market Development Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, risalah dari Kementerian Alam Sekitar dan Pelancungan Sarawak.

9.1.2.2 Buku

Buku-buku juga digunakan sebagai sumber rujukan dalam proses menyiapkan kajian ini. Antara buku-buku tersebut ialah :

a) Kamus Dewan Terbitan Dewan Bahasa Pustaka K.L Malaysia - 1984

b) Marketing Research Text and Cases. 5th. Edition by Boya Wentfall and Stach. Digunakan untuk rujukan persampelan dan struktur soal selidik.

c) Sampling Techniques 2nd Edition by William G. Cochran Digunakan untuk persampelan

d) Thesis Pelajar Thesis pelajar digunakan sebagai panduan untuk pengolahan kajian.

e) Data-data Data-data didapati dari Jabatan Statistik K.L dan Jabatan Statistik Kuching untuk mengetahui jumlah penduduk Kuching.

10.0 Analisa Soal Selidik Bahagian A

Soal selidik di bahagian ini adalah bertujuan untuk mengkaji tentang pengenalan diri responden

10.1 Jantina

| Jantina | Jumlah | % |
|---|---|---|
| Lelaki | 143 | 53.56 |
| Perempuan | 124 | 46.44 |
| | 267 | 100 |

Dari kajiselidik yang telah dijalankan penyelidik mendapati bahawa responden lelaki adalah lebih ramai meliputi 53.56%. Sementara responden perempuan hanya meliputi 46.44%.

10.2 Umur

| Umur | Jumlah | % |
|---|---|---|
| 15 - 20 | 26 | 9.74 |
| 21 - 30 | 87 | 32.58 |
| 31 - 40 | 102 | 38.20 |
| > 40 | 52 | 19.48 |
| | 267 | 100 |

Sebanyak 38.20% dari responden adalah mereka yang berada dilingkungan umur 31 - 40. Ini diikuti pula oleh mereka yang berada dalam lingkungan 21 - 30

tahun sebanyak 32.58 %, lebih dari 40 sebanyak 19.48% dan 15 - 20 tahun sebanyak 32.58%, lebih dari 40 sebanyak 19.48% dan 15 - 20 tahun sebanyak 9.74% .

10.3 Bangsa

| Bangsa | Jumlah | % |
|---|---|---|
| Melayu/Melanau | 96 | 35.96 |
| Dayak Laut | 15 | 5.62 |
| Dayak Darat | 32 | 11.98 |
| Cina | 118 | 44.19 |
| Lain-lain | 6 | 2.25 |
| | 267 | 100% |

Majoriti responden dalam kajian ini ialah bangsa Cina iaitu 44.19%. Ini adalah kerana kebanyakan penduduk Kuching terdiri daripada orang-orang Cina. Ini diikuti oleh Melayu/Melanau sebanyak 35.96%, Dayak Darat sebanyak 11.98%, Dayak Laut 5.62% dan lain-lain bangsa sebanyak 2.25% (terdiri dari Nasrani, India dan lain-lain)

10.4 Taraf Perkahwinan

| Taraf Perkahwinan | Jumlah | % |
|---|---|---|
| Bujang | 151 | 56.55 |
| Kahwin | 103 | 38.58 |
| Duda/Janda | 13 | 4.87 |
| | 267 | 100 |

Jadual di atas menunjukkan responden yang terlibat dalam soal selidik masih bujang sebanyak 56.55% sudah berumahtangga sebanyak 38.58% dan yang duda/janda sebanyak 4.87%

10.5 Pekerjaan

| Pekerjaan | Jumlah | % |
|---|---|---|
| Pelajar | 39 | 14.60 |
| Perkeranian | 87 | 32.58 |
| Pegawai | 24 | 8.99 |
| Lain-lain | 117 | 43.83 |
| | 267 | 100 |

Jadual di atas menunjukkan responden yang terlibat dalam soal selidik masih bujang sebanyak 56.55% , sudah berumahtangga sebanyak 38.58% dan yang duda/janda sebanyak 4.87%

10.5 Pekerjaan

| Pekerjaan | Jumlah | % |
|---|---|---|
| Pelajar | 39 | 14.60 |
| Perkeranian | 87 | 32.58 |
| Pengerusi | 24 | 8.99 |
| Lain-lain | 117 | 43.83 |
| | 267 | 100 |

Kebanyakan dari responden adalah terdiri dari mereka yang di bawah kretiria lain-lain, sebanyak 43.83%. Golongan ini adalah terdiri dari mereka yang tidak mempunyai pekerjaan, bekerja sendiri, peniaga, pengusaha dan lain-lainnya. Mereka yang terlibat dari golongan perkeranian adalah sebanyak 32.58%, pelajar 14.60% dan pegawai atasan sebanyak 8.99%.

10.6 Pendapatan

| Pendapatan | Jumlah | % |
|---|---|---|
| Bawah 200 | 48 | 17.98 |
| 200 - 400 | 23 | 8.61 |
| 401 - 600 | 91 | 34.08 |
| 601 - 900 | 43 | 16.11 |
| > 901 | 62 | 23.32 |
| | 267 | 100% |

Kebanyakan daripada penduduk Kuching adalah terdiri daripada golongan yang berpendapatan $401 - $60 iaitu sebanyak 34.08% dan diikuti oleh golongan berpendapatan lebih dari $901 sebanyak 23.32%, golongan berpendapatan di bawah $200 sebanyak 17.98%, pendapatan antara $601 - $900 sebanyak 16.11% dan golongan berpendapatan $200 - $480 sebanyak 8.61%.

10.7 Agama

| Agama | Jumlah | % |
|---|---|---|
| Islam | 98 | 36.70 |
| Kristian | 50 | 18.73 |
| Buddha | 110 | 41.20 |
| Lain-lain | 9 | 3.37 |
| | 267 | 100 |

Responden yang beragama Buddha sebanyak 41.20%. Ini adalah kerana majoriti penduduk Kuching adalah terdiri daripada orang-orang Cina. diikuti oleh Islam sebanyak 36.70%, Kristian 18.73% dan lain-lainnya sebanyak 3.37% iaitu terdiri dari mereka yang beragama Hindu, 'Free-thinker' dan sebagainya.

BAHAGIAN B

10.8 Adakah anda penggemar seni

| | Jumlah | % |
|---|---|---|
| Ya | 256 | 95.88 |
| Tidak | 11 | 4.12 |
| | 267 | 100 |

Jadual di atas menunjukkan samada responden gemar atau tidak seni.

Sebahagian besar responden iaitu 95.88% adalah penggemar seni. Sementara itu 4.12% responden tidak menggemari seni.

Walaubagaimanapun taburan responden yang menggemar seni dan tidak gemar akan seni adalah seperti berikut mengikut bangsa.

| Bangsa | Ya | | Tidak | |
|---|---|---|---|---|
| | Jumlah | % | Jumlah | % |
| Melayu/Melanau | 94 | 36.72 | 2 | 18.18 |
| Dayak Laut | 14 | 5.47 | 1 | 9.10 |
| Dayak Darat | 30 | 11.72 | 2 | 18.18 |
| Cina | 114 | 44.53 | 4 | 36.36 |
| Lain-lain | 4 | 1.56 | 2 | 18.18 |
| | 256 | 100 | 11 | 100 |

Orang Cina yang mengemar seni sebanyak 44.53% dan yang tidak mengemar seni sebanyak 36.36% manakala sebanyak 36.72% orang Melayu/Melanau adalah pengemar seni dan yang tidak mengemar seni. Sebanyak 11.72% daripada Dayak Darat adalah pengemar seni dan yang tidak mengemar seni sebanyak 18.18%, 5.47% daripada bangsa Dayak Laut adalah pengemar seni, 9.10% pula tidak, dan terakhir sekali kaum lain-lainnya yang mengemar seni sebanyak 1.56% dan tidak mengemar seni sebanyak 18.18%

Responden Cina merupakan majoriti penggemar seni dan tidak mengemar seni. Ini adalah kerana majoriti penduduk Kuching adalah terdiri dari orang-orang Cina.

10.9 Adakah anda mempunyai bakat seni

| | Jumlah | % |
|---|---|---|
| Ya | 195 | 76.17 |
| Tidak | 61 | 23.83 |
| | 256 | 100 |

Dari pengkajian yang telah dibuat menunjukkan sebanyak 76.17% daripada responden mempunyai bakat seni manakala 23.83% tidak mempunyai bakat seni.

10.10 Adakah anda ingin mempamirkan bakat seni anda.

| | Jumlah | % |
|---|---|---|
| Ya | 122 | 62.56 |
| Tidak | 73 | 37.44 |
| | 195 | 100 |

Kebanyakkan responden yang mempunyai bakat seni ingin mempamirkan bakat seni mereka iaitu sebanyak 62.56% manakala 37.44% tidak ingin mempamirkan bakat seni mereka.

10.11 Ingin untuk menjadikan bakat seni sebagai sumber pendapatan.

| | Jumlah | % |
|---|---|---|
| Ya | 128 | 65.64 |
| Tidak | 67 | 34.36 |
| | 195 | 100 |

Dari jadual, terdapat 65.64% responden ingin menjadikan bakat seni mereka sebagai sumber pendapatan, manakala 34.36% tidak mahu menjadikan bakat seni sebagai sumber pendapatan.

Namun begitu mereka yang ingin menjadikan bakat sseni sebagai pendapatan, ada yang ingin menjadikannya sebagai kerjaya sementara sahaja, seperti ditujukkan di jadual berikut :-

| | Jumlah | % |
|---|---|---|
| Tetap | 55 | 42.97 |
| Sementara | 73 | 57.03 |
| | 128 | 100% |

Sebanyak 57.03% responden ingin menjadikan bakat seni sebagai sumber pendapatan sampingan atau kerjaya sementara 42.96% ingin menjadikannya sebagai kerjaya tetap.

10.12 Pernahkah menyaksikan pameran/pertunjukan seni.

| | Jumlah | % |
|---|---|---|
| Pernah | 163 | 61.05% |
| Tidak Pernah | 104 | 38.95 |
| | 267 | 100 |

Jadual menunjukkan bahawa 61.05% dari responden pernah menyaksikan pertunjukan pameran seni. Manakala 38.95% tidak pernah menyaksikan pameran/pertunjukkan seni.

10.13 Bilakah usaha pameran dibuat di tepat anda

| | Jumlah | % |
|---|---|---|
| Setiap masa | 58 | 35.58 |
| Hari-hari tertentu | 105 | 64.42 |
| | 163 | 100 |

Didapati bahawa 64.42% dari responden mengatakan bahawa pameran dibuat pada hari tertentu manakala 35.58% mengatakan pada setiap masa.

10.14 Di manakah pameran/pertunjukan selalu dibuat.

| | Jumlah | % |
|---|---|---|
| Muzium | 44 | 26.99% |
| Pusat Membeli belah | 21 | 12.88 |
| Tempat Sementara | 59 | 36.20 |
| Pusat Pelançungan | 16 | 9.82 |
| Lain-lain | 23 | 14.11 |
| | 163 | 100 |

Didapati 36.20% dari responden menyaksikan pameran/pertunjukan seni di tempat sementara 26.99% di Muzium. 12.88% di pusat membeli belah. 14.11% di Pusat Pelancungan manakala 9.82% di lain-lain tempat seperti di sekolah dan sebagainya.

10.15 Siapakah yang sering membuat pameran hasil-hasil seni di tempat anda.

| | Jumlah | % |
|---|---|---|
| Persatuan-persatuan seni | 84 | 51.53% |
| Orang-orang persaorangan | 51 | 31.29% |

| | | |
|---|---|---|
| Lain-lain | 28 | 17.18 |
| | 163 | 100 |

Jadual menunjukkan bahawa 51.53% dari usaha pameran/pertunjukan seni dibuat oleh persatuan-persatuan seni. 31.29% dibuat oleh orang-orang persaorangan. Manakala lain-lainnya seperti orang-orang cacat sebanyak 17.18%.

10.16 Adakah anda berpuashati terhadap persembahan pameran/pertunjukan seni yang pernah anda saksikan.

| | Jumlah | % |
|---|---|---|
| Ya | 74 | 45.40% |
| Tidak | 89 | 54.60 |
| | 163 | 100 |

Didapati bahawa 54.60% dari responden menyatakan tidak puashati terhadap persembahan pameran pertunjukan seni yang pernah mereka saksikan.

10.17 Bagaimanakah anda didedahkan kepada seni , khasnya seni tempatan selain dari usaha pameran yang dibuat.

| Media massa | Jumlah | % |
|---|---|---|
| Televisyen | 59/267 | 22.09 |
| Radio | 67/267 | 25.09 |

| | | |
|---|---|---|
| Majalah | 173/267 | 64.79 |
| Suratkhabar | 87/267 | 32.58 |
| Risalah | 202/267 | 75.65 |
| Lain-lain | 117/267 | 43.82 |

Didapati responden telah didedahkan kepada seni tempatan oleh media massa melalui :- Risalah 75.65%, Majalah 64.79%, lain-lain seperti oleh kawan-kawan 42.83%, suratkhabar 32.58%, Radio 25.09% dan televisyen 22.09%.

10.18 Adakah terdapat pasaran bagi hasil-hasil seni di tempat anda.

| | Jumlah | % |
|---|---|---|
| Ya | 154 | 57.68 |
| [illegible] | 113 | 42.32 |
| | 267 | 100 |

Jadual menunjukkan bahawa 57.68% dari responden mengatakan terdapatnya pasaran bagi hasil-hasil seni di tempat mereka, manakala 42.32% mengatakan tidak terdapat pasaran.

10.19 Bilakah usaha memasarkan barang-barang seni selalu dibuat ?

| | Jumlah | % |
|---|---|---|
| Setiap masa | 48 | 31.17 |
| Hari tertentu | 106 | 68.83 |
| | 154 | 100 |

Didapati 68.83% dari responden mengatakan bahawa usaha memasarkan hasil-hasil seni dibuat pada hari-hari tertentu. Manakala 31.17% dari responden menyatakan pemasaran dibuat pada tiap-tiap hari.

10.20 Dimanakah usaha memasarkan hasil-hasil seni dibuat.

| | Jumlah | % |
|---|---|---|
| Pasar Minggu | 51 | 33.12 |
| Pusat membeli belah | 20 | 12.99 |
| Muzium | 11 | 7.14 |
| Pusat Pelancungan | 26 | 16.88 |
| Tempat Pameran | 46 | 29.87 |
| | 154 | 100 |

Di dapati 33.12% dibuat di Pasar Minggu. 29.87% usaha memasarkan hasil-hasil seni dibuat di tempat pameran. 16.88% di pusat pelancungan. 12.99% dibuat di pusat membeli belah dan 7.14% dibuat di Muzium.

10.21 Siapakah yang sering memasarkan hasil-hasil seni di tempat anda?

| | Jumlah | % |
|---|---|---|
| Pekedai | 30 | 19.48 |
| Pemborong/orang tengah | 41 | 26.62 |
| Karyaneka | 45 | 29.22 |
| Badan-badan tertentu | 15 | 9.74 |
| Pembuat hasil seni | 23 | 14.94 |
| | 154 | 100 |

29.22% dari responden mengatakan usaha memasarkan hasil-hasil seni dibuat oleh karyaneka, 26.62% oleh pemborong.

Pekedai sebanyak 19.48%. Pembuat hasil seni itu sendiri sebanyak 14.94% dan badan-badan tertentu sebanyak 9.74%

BAHAGIAN C

10.22 Pada pendapat anda, adakah usaha yang telah dilakukan selama ini untuk membuatkan pendedahan seni tempatan berkesan dan meluas.

| | Jumlah | % |
|---|---|---|
| Ya | 45 | 16.85 |
| Tidak | 222 | 83.15 |
| | 267 | 100 |

Didapati sebanyak 83.15% daripada responden mengatakan bahawa usaha yang telah dilakukan selama ini untuk membuat pendedahan seni tempatan tidak berkesan dan meluas. Manakala 16.85% daripada responden berpendapat usaha yang telah dilakukan selama ini untuk membuat pendedahan seni tempatan berkesan dan meluas.

10.23 Pada pendapat anda adakah pasaran bagi hasil-hasil seni tempatan dibuat secara meluas?

| | Jumlah | % |
|---|---|---|
| Ya | 57 | 21.35 |
| Tidak | 210 | 78.65 |
| | 267 | 100 |

Sebanyak 21.35% daripada responden berpendapat bahawa pasaran bagi hasil-hasil seni tempatan adalah dibuat secara meluas dan 78.65% lagi berpendapat sebaliknya.

10.24 Adakah anda setuju sekiranya diadakan satu Pusat Khas untuk mempamirkan seterusnya memasar hasil-hasil seni penduduk.

| | Jumlah | % |
|---|---|---|
| Ya | 186 | 69.66 |
| Tidak | 81 | 30.34 |
| | 267 | 100 |

9.66% daripada responden bersetuju sekiranya di adakan satu pusat khas untuk mempamirkan seterusnya memasar hasil seni penduduk sementara 30.34% tidak bersetuju.

10.25 Adakah menguntungkan masyarakat tempatan sekiranya diadakan pusat khas untuk mempamirkan serta memasar hasil-hasil seni tempatan.

| | Jumlah | % |
|---|---|---|
| Ya | 160 | 59.92 |
| Tidak | 107 | 40.08 |
| | 267 | 100 |

Didapati bahawa 59.92% daripada responden mengatakan bahawa Pusat Khas untuk mempamirkan serta memasar hasil-hasil seni tempatan adalah menguntungkan. 40.08% pula berpendapat ianya tidak menguntungkan.

11.00 Penemuan dari soal selidik dan temubual serta pemerhatian

Penyelidik telah menjalankan soal selidik di sekitar Kuching di mana penduduknya terdiri dari orang-orang Melayu, cina, Dayak Laut, Dayak Darat dan lain-lain termasuk India dan Nasrani. Berdasarkan kepada kajian kami, penemuan yang didapati di bahagikan kepada beberapa bahagian mengikut objektif penyelidikan.

11.1 Pengetahuan tentang pendedahan dan pasaran hasil-hasil seni masyarakat tempatan.

Daripada penyelidikan yang dijalankan, didapati usaha untuk mendedahkan hasil-hasil seni tempatan adalah tidak begitu meluas dan berkesan. Walaupun majoriti yang meminati seni mengatakan mereka pernah menyaksikan pertunjukan dan pameran seni namun itu hanyalah pada hari-hari yang tertentu sahaja seumpamanya pada musim-musim perayaan dan hari-hari khas. Tempat untuk mengadakan pameran ini juga tidak begitu strategik contohnya di tempat tapak ekspo yang terletaknya lebih kurang 5 km dari pusat bandar. Penganjur-penganjur ekspo biasanya memilih tapak yang agak jauh sedikit dari kesibukan bandar untuk mengelakkan kesesakan jalanraya. Ini menyulitkan usaha untuk menyaksikan pameran bagi mereka yang tidak mempunyai pengangkutan. Mereka terpaksa menggunakan kenderaan awam yang mungkin akan mengambil masa yang lebih lama. Oleh yang demikian masa kunjungan juga terhad. Selain dari itu tidak banyak ruang yang sanggup diperuntukan oleh pihak penganjur sesuatu ekspo untuk barangan-barangan seni tempatan. Mereka memberi alasan bahawa barang-barang import (luar negeri) lebih mendapat perhatian daripada pengunjung-pengunjung ekspo berbanding dengan barangan seni tempatan. Hal yang demikianlah yang menyebabkan pendedahan kepada hasil-hasil seni

tempatan menjadi kurang berkesan.

Keadaan yang serupa juga berlaku kepada Muzium yang merupakan salah satu tempat pameran hasil-hasil seni Kekurangan ruang dan kesempitan bilik yang sedia ada sekarang untuk mempamirkan lebih banyak koleksi bahan-bahan seni adalah masalah utama mereka.

Penonjolan yang terlalu sedikit yang dibuat oleh pihak media massa juga merupakan salah satu sebab mengapa kurangnya pendedahan yang dibuat. Usaha yang tidak begitu efektif yang dibuat oleh pihak-pihak yang berkaitan mungkin menyebabkan media massa tidak begitu berminat dalam bidang tersebut. Kalau adapun cuma maklumat dalam bentuk risalah-risalah sahaja yang kebanyakannya diperolehi oleh orang ramai. Risalah-risalah ini biasanya dikeluarkan oleh badan-badan tertentu seperti persatuan-persatuan seni, pusat pelancungan dan sebagainya. Tujuan mereka ialah untuk memuatkan segala maklumat penting ke dalam satu naskah risalah bagi memudahkan mereka merujuk pada bila-bila masa sahaja.

Dari penyelidikan kami juga didapati majoriti daripada responden tidak berpuashati terhadap persembahan pameran dan pertunjukan seni yang pernah dibuat.

Mereka mengatakan bahawa kadang-kadang mereka tidak berpeluang menyaksikan apa yang sebenarnya mereka ingin saksikan. Ini menunjukkan permintaan kepada barang-barang seni tempatan adalah tinggi. Masalah

tempat pameran yang terhad menyebabkan koleksi pameran juga menjadi terhad. Inilah yang menyebabkan timbul rasa tidak puashati di kalangan mereka.

Hasil daripada kajian juga mendapati bahawa memang terdapat pasaran bagi barang-barang seni Sarawak, tetapi ianya tidaklah begitu meluas dan menggalakkan. Usaha-usaha pemasaran adalah lembab. Kegiatan pemasaran lebih banyak dimainkan oleh orang-orang tengah yang mana mengaut lebih banyak untung. Hanya terdapat satu badan yang bergiat cergas untuk menyelamatkan keadaan ini iaitu Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Badan ini pergi sendiri ke pedalaman Negeri Sarawak untuk mengumpul hasil-hasil kraftangan dan sebagainya dan kemudian menjualkannya melalui sebuah gerai yang dinamakan Karyaneka. Namun tidak banyak yang dapat dilakukan oleh pihak ini selain daripada menyediakan latihan dan mengeluarkan pelatih-pelatih yang lebih berpendidikan. Pengusaha-pengusaha masih belum begitu dapat menjual sendiri barang-barang keluaran mereka. Pergantungan mereka kepada orang-orang tengah juga masih belum dapat diatasi. Kalaupun terdapat beberapa hasil-hasil seni yang dijual di kedai-kedai di bandar Kuching tetapi harga yang ditawar adalah tidak setara dan berbeza-beza antara satu kedai dengan kedai yang lain. Fenomena ini tidak begitu baik untuk mengawal kenaikan dan penurunan harga jika ada. Kedudukan kedai-kedai ini juga berselerak dan bertaburan di

di bandar Kuching. Ini menyukarkan pihak-pihak tertentu, pelancung misalnya untuk mencari lokasi kedai-kedai ini.

11.2 Sambutan terhadap idea penubuhan Pasar Seni di Kuching

Dari penyelidikan yang telah dijalankan, didapati lebih dari separuh daripada responden bersetuju dengan idea penubuhan pasar seni di Kuching dan sambutan terhadapnya sungguh menggalakkan. Terdapat beberapa sebab, mengapa mereka berpendapat demikian, antaranya ialah :

11.2.1 Peluang Perniagaan

Dengan adanya sebuah pasar seni, pengusaha-pengusaha hasil seni boleh menjual sendiri barang-barang seni yang telah dihasilkan. Ini dengan sendiri dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha selama ini kerana ketiadaan satu tempat khas untuk memasarkan hasil-hasil seni mereka. Akibat ketiadaan tempat khas itu mereka hanya mampu untuk menjual hasil-hasil tersebut di kaki-kaki lima dan di tepi-tepi jalan. Di samping itu juga ianya dapat mengelakkan eksploitasi yang dibuat oleh orang-orang tengah.

### 11.2.2 Peluang Pekerjaan

Apabila terdiri sebuah tempat perniagaan maka banyaklah peluang-peluang pekerjaan dibuka. Berbagai jenis kerja boleh ditawarkan samada dari segi pengurusan atasan dan pertengahan, pentadbiran, jurujual serta buruh am. Lepasan-lepasan sekolah yang berbakat juga boleh mendapat faedah dengan menjadikan bakat mereka sebagai sumber pendapatan.

Ini dengan tidak secara langsung boleh mengatasi masalah pengangguran.

### 11.2.3 Pusat Pelancung-Pelancung

Sesebuah pasar seni itu merupakan daya tarikan yang kuat kepada pelancung-pelancung yang datang melawat samada dari luar maupun dalam negeri. Banyak perkara yang tidak boleh mereka dapati boleh mereka lihat dan alami sendiri di pasar tersebut. Usaha kerajaan untuk menggalakkan industri pelancungan dapat ditingkatkan melalui cara ini. Tukaran wang asing yang masuk di dalam negara juga meningkat dan sekaligus meningkatkan pendapatan negara.

### 11.2.4 Memusatkan kedai-kedai

Masalah kedai-kedai yang terletak berselerak

di bandar Kuching juga dapat diatasi. Banyak ruang-ruang kedai juga dapat disediakan. Orang ramai juga tidak lagi menghadapi masalah untuk mendapatkan barang-barang seni tempatan. Ianya juga dapat membantu pelancung-pelancung yang sebelum ini sukar untuk mengesan lokasi kedai-kedai ini sekiranya tidak mendapat maklumat yang betul.

11.2.5 Mengeratkan perpaduan muhibbah

Sarawak adalah sebuah negeri yang terdiri daripada berbagai bangsa dan keturunan. Dengan sendirinya pasar seni ini dapat mengeratkan perhubungan antara kaum melalui aktiviti-aktiviti kesenian yang dijalankan di pasar seni ini. Semangat perpaduan dapat dipupuk dengan memberi peluang yang sama rata kepada semua bangsa untuk membuat perniagaan di sini. Di samping itu ianya juga dapat mengujudkan suasana pertandingan yang sihat antara mereka.

## 11.3 Prospek Pasar Seni sekiranya ditubuhkan

Penyelidik mendapati bahawa Pasar Seni ini ternyata mempunyai prospek yang besar di masa hadapan sekiranya ditubuhkan. Ini adalah berdasarkan kepada beberapa faktor seperti :-

11.3.1 Sambutan

Sambutan yang diberikan begitu menggalakkan terhadap idea penubuhannya.

11.3.2 Masalah pemasaran dan pendedahan hasil-hasil seni masakini

Usaha-usaha yang tidak begitu berkesan dan meluas untuk mengatasi masalah ini memerlukan satu penyelesaian yang segera untuk kebaikan semua pihak.

11.3.3 Sumber Pendapatan

Dari kajian adalah didapati ramai yang mempunyai bakat seni. Mereka ini ingin menjadikan bakat seni yang ada pada mereka sebagai satu sumber pendapatan. Selama ini mereka menjadikan bakat mereka ini hanya sebagai satu pendapatan tambahan kerana tidak ada tempat khas untuk dijadikan tempat perniagaan yang baik.

Jadi dengan adanya Pasar Seni itu kelak mereka boleh menjadikan bakat mereka itu sebagai satu kerja tetap dan bergiat sepenuh masa.

11.3.4 Permintaan kepada hasil-hasil seni

Permintaan kepada hasil-hasil seni juga

tinggi kerana mutu hasil-hasil seni tempatan adalah tinggi, setanding dengan lain-lain keluaran luar negeri dan sebagainya. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia memainkan peranan yang besar di dalam mengawal dan memastikan mutu pembuatan hasil-hasil seni tempatan. Sikap pengusaha itu sendiri tidak dapat diragukan kerana mereka lebih mengutamakan mutu penghasilan daripada untung sesuatu barang.

## 12.0 PEMBUKTIAN HIPOTHESIS

### 12.1 Hipothesis 1

Pendedahan hasil hasil seni penduduk tempatan tidak berkesan dan meluas

Pembuktian hipothesis 1

Ho, = Pendedahan hasil-hasil seni penduduk tempatan tidak berkesan dan meluas

Hi, = Pendedahan hasil-hasil seni penduduk tempatan berkesan dan meluas.

| | | Col 1 | Col 11 | |
|---|---|---|---|---|
| | | Ya | Tidak | Jumlah |
| R 1 | Melayu Melanau | 10 | 86 | 96 |
| R 2 | Dayak Laut | 3 | 12 | 15 |
| R 3 | Dayak Darat | 3 | 29 | 32 |
| R 4 | China | 27 | 91 | 118 |
| R 5 | Lain-lain | 2 | 4 | 6 |
| | | 45 | 201 | 267 |

Darjah kebebasan = (r - 1) (c - 1)

(5 - 1) (2 - 1)

= 4

kaedah 1

E = R C /n

R = Baris
C = Ruang
n = Saiz Sampel

Bahagian Perkhidmatan Pembaca
(Bangunan Tambahan)
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Institut Teknologi MARA
Shah Alam.

| 'cell' | 'observed' [O] | 'Expected' [E] $E = R C / n$ | 'Calculated value' $x^2 = (o - E)^2 / E$ |
|---|---|---|---|
| R1C1 | 10 | 96 x 45/267 = 16.18 | (10-16.18) 2/16.18 = 2.36 |
| R1C2 | 86 | 96 x 222/267 = 76.82 | (86-79.82) 2/79.82 = 0.48 |
| R2C1 | 3 | 15 x 45/267 = 2.53 | (3-2.53) 2/2.53 = 0.09 |
| R2R2 | 12 | 15 x 222/267 = 12.47 | (12-12.47) 2/12.47 = 0.02 |
| R3C1 | 3 | 32 x 222/267 = 5.39 | (3-5.39) 2/5.39 = 1.06 |
| R3C2 | 29 | 32 x 222/267 = 26.61 | (29-26.61) 2/26.61 = 0.21 |
| R4C1 | 27 | 118 x 45/267 = 19.89 | (27-19.89) 2/19.89 = 2.54 |
| R4C2 | 91 | 118 x 222/267 = 98.11 | (91-98.11) 2/98.11 = 0.52 |
| R5C1 | 2 | 6 x 45/207 = 1.01 | (2-1.01) 2/1.01 = 0.97 |
| R5C2 | 4 | 6 x 222/267 = 4.99 | (4-4.99) 2/4.99 = 0.20 |

$E x^2 = 8.45$

Untuk menentukan 'Critical Value'

1. Alpha = = E (standard error) = 0.05

2. Darjah kebebasan = (r - 1) (e - 1)

(5 - 1) (2 - 1)

= 4

Rujuk kepada jadual Chi Square, Nilai 'Critical Value' ialah 9.43.

Keputusan
---------

Jika 'calculated value' melebihi 'critical value' maka tolak Ho dan terima H1

Jika 'calculated value' kurang dari 'critical value' maka terima Ho dan tolak H1

Di dapati 'calculated value' kurang dari 'critical value' iaitu 8.45 < 9.43

Oleh itu Ho diterima dan H1 ditolak

Kesimpulan
----------

maka terbuktilah "Pendedahan hasil-hasil seni penduduk tempatan tidak berkesan dan meluas" adalah benar.

12.2 Hipothesis 2
------------

Pasaran hasil-hasil seni tempatan tidak meluas.

Pembuktian hipothesis 2
-----------------------

Ho 2 = Pasaran hasil-hasil seni tempatan tidak meluas

H1 2 = Pasaran hasil-hasil seni tempatan meluas

| | | Col 1 | Col 11 | |
|---|---|---|---|---|
| | | Ya | Tidak | Jumlah |
| R1 | Melayu Melanau | 13 | 83 | 96 |
| R2 | Dayak Laut | 4 | 11 | 15 |
| R3 | Dayak Darat | 6 | 26 | 32 |
| R4 | China | 31 | 87 | 118 |
| R5 | Lain lain | 3 | 3 | 6 |
| | | 57 | 210 | 267 |

Darjah kebebasan = (r - 1) (c - 1)

= (5 - 1) (2 - 1)

= 4

PROJEK PELAJAR/THESIS

Kaedah 1

E = R1 C1 / n

R = Baris
C = Ruang
n = Saiz sampel

| 'cell' | 'observed' [o] | 'Expected' [E] E = R1 C1 /n | 'Calculated Value' $x^2 = (o - E)^2 /E$ |
|---|---|---|---|
| R1 C1 | 13 | 96 x 57/267 = 20.49 | (13-20.49)2/20.49 = 2.74 |
| R1 C2 | 83 | 96 x 210/267 = 75.51 | (83-75.51)2/75.51 = 0.74 |
| R2 C1 | 4 | 15 x 57/267 = 3.20 | (4-3.20)2/3.20 = 0.20 |
| R2 C2 | 11 | 15 x 210/267 = 11.80 | (11-11.80)2/11.80 = 0.05 |
| R3 C1 | 6 | 32 x 57/267 = 6.83 | (6-6.83)2/6.83 = 0.10 |
| R3 C2 | 26 | 32 x 210/267 = 25.17 | (26-25.17)2/25.17 = 0.03 |
| R4 C1 | 31 | 118 x 57/267 = 25.19 | (31-25.19)2/25.19 = 1.34 |
| R4 C2 | 87 | 118 x 210/267 = 92.81 | (87-92.81)2/92.81 = 0.36 |
| R5 C1 | 3 | 6 x 57/267 = 1.28 | (3-1.28)2/1.28 = 2.31 |
| R5 C2 | 3 | 6 x 210/267 = 4.72 | (3-4.72)2/4.72 = 0.63 |

$E\ x^2 = 8.50$

Untuk menentukan 'critical value'

1. Alpha = = E (standard error) = 0.05

2. Darjah kebebasan = (r - 1) (c - 1)

(5 - 1) (2 - 1)

= 4

Rujuk kepada jadual Chi Square, nilai critical value ialah 9.43

Keputusan
---------

Jika 'calculated value' melebihi 'critical value' maka tolak Ho dan terima H1

Didapati 'calculated value' kurang dari 'critical value' iaitu 8.50 < 9.43

Oleh itu Ho 2 diterima dan H1 2 ditolak

Kesimpulan
----------

maka terbuktilah "Pasaran hasil-hasil seni tempatan tidak meluas" adalah benar.

12.3 Hipothesis 3
------------

Penduduk tempatan bersetuju dengan idea penubuhan pasar seni di Kuching

Pembuktian Hipothesis

Ho 3 = Penduduk tempatan bersetuju dengan idea penubuhan pasar seni di Kuching

H1 3 = Penduduk tempatan tidak bersetuju dengan idea penubuhan pasar seni di Kuching.

| | | Col 1 | Col 2 | |
|---|---|---|---|---|
| | | Ya | Tidak | Jumlah |
| R1 | Melayu Melanau | 74 | 22 | 96 |
| R2 | Dayak Laut | 11 | 4 | 15 |
| R3 | Dayak Darat | 25 | 7 | 32 |
| R4 | China | 71 | 47 | 118 |
| R5 | Lain-lain | 5 | 1 | 6 |
| | | 186 | 81 | 267 |

Darjah kebebasan = (r - 1) (c - 1)

(5 - 1) (2 - 1)

= 4

Kaedah 1

E = R1 C1 /n

R = Baris
C = Ruang
n = Saiz sampel

| 'cell' | 'observed' [O] | 'Expected' [E] E = R1 C1/n | 'calculated value' $x^2 = (o - E)^2/E$ |
|---|---|---|---|
| R1 C1 | 74 | 96 x 186/267 = 66.88 | (74-66.88)2/66.88 = 0.76 |
| R1 C2 | 22 | 96 x 81/267 = 29.12 | (22-29.12)2/29.12 = 1.74 |
| R2 C1 | 11 | 15 x 186/267 = 10.45 | (11-10.45)2/10.45 = 0.03 |
| R2 C2 | 4 | 15 x 81/267 = 4.55 | (4-4.55)2/4.55 = 0.07 |
| R3 C1 | 25 | 32 x 186/267 = 22.29 | (25-22.29)2/22.29 = 0.33 |
| R3 C2 | 7 | 32 x 81/267 = 9.70 | (7-9.70)2/9.70 = 0.75 |
| R4 C1 | 71 | 118 x 186/267 = 82.20 | (71-82.20)2/82.20 = 1.53 |
| R4 C2 | 47 | 118 x 81/267 = 35.80 | (47-35.80)2/35.80 = 3.50 |
| R5 C1 | 5 | 6 x 186/267 = 4.18 | (5-4.18)2/4.18 = 0.16 |
| R5 C2 | 1 | 6 x 81 /267 = 1.82 | (1-1.82)2/1.82 = 0.37 |

$E\ x^2 = 9.24$

Untuk menentukan 'critical value'

1) Alpha = = E ('standard error') = 0.05

2) Darjah = (r - 1) (c - 1)

(5 - 1) (2 - 1)

= 4

Rujuk kepada jadual Chi Square, nilai 'critical value'

ialah 9.43

(Sila rujuk lampiran)

Keputusan

- Jika 'calculated value' melebihi 'critical value' maka tolak Ho dan terima H1
- Jika 'calculated value' kurang dari 'critical value' maka terima Ho dan H1

Didapati 'calculated value' kurang dari critical value iaitu $9.24 < 9.43$

Oleh itu Ho3 diterima dan H1 ditolak

Kesimpulan

Maka terbuktilah "Penduduk tempatan bersetuju dengan idea penubuhan Pasar Seni di Kuching" adalah benar.

CADANGAN

13.1 Tingkatkan aktiviti untuk membuat pendedahan

Dalam usaha untuk meningkatkan aktiviti untuk membuat pendedahan, dicadangkan agar semua pihak hendaklah berusaha ke arah ini.

Badan-badan kerajaan terutamanya, hendaklah memberi galakkan dan sokongan sama ada dalam bentuk moral mahupun kebendaan kepada mana-mana pihak yang memerlukannya. Ini sudah tentulah menarik minat pihak-pihak tertentu untuk berusaha lebih giat dalam usaha untuk membuat pendedahan hasil-hasil seni tempatan.

Begitu juga dengan badan-badan swasta, mereka hendaklah menanamkan minat untuk bergiat dengan lebih cergas dalam usaha untuk mendedahkan hasil-hasil seni tempatan. Badan badan swasta juga hendaklah bersedia dan berkesanggupan untuk menjadi penganjur kepada mereka yang ingin membuat sesuatu pameran kesenian. Media massa juga hendaklah melipatgandakan usaha promosi iaitu dengan memperbanyakkan ruangan khas untuk mendedahkan kesenian tempatan dalam media tertentu seperti surat khabar, risalah, majallah, radio, televisyen dan sebagainya.

13.2 Dirikan pasar seni

Setelah soal selidik, temubual dan pemerhatian dijalankan, penyelidik dapati adalah perlu didirikan sebuah pasar seni di Kuching. cadangan penubuhan

pasar seni dibuat setelah penyelidik menimbangkan beberapa faktor faktor penting seperti :-

13.2.1 Sambutan dari setiap golongan penduduk tempatan yang berbilang kaum begitu menggalakkan terhadap idea penubuhannya.

13.2.2 Masalah pemasaran dan pendedahan hasil-hasil seni tempatan yang masih tidak meluas. Maka dengan penubuhan pasar seni akan dapat membantu untuk mengatasi masalah ini. Ini adalah kerana objektif dan peranan Pasar Seni yang dicadangkan adalah selaras dengan masalah ini. Peranan dan objektif Pasar Seni adalah seperti berikut :-

a) Sebagai pusat untuk mengumpul dan mempamerkan kebudayaan Sarawak kepada pelawat-pelawat.

b) Membuka peluang perniagaan kepada penduduk tempatan.

c) Mencungkil bakat penduduk tempatan dan pelawat melalui aktiviti-aktiviti kesenian yang dijalankan.

d) Untuk menjadikan pasar seni sebagai tempat untuk menarik lebih ramai lagi pelancung datang ke Sarawak

f) Untuk mewujudkan perpaduan di kalangan seluruh kaum di Sarawak.

13.2.3 Memandangkan usaha untuk menghasilkan kraftangan kian diperhebatkan[1]. Ini bermakna penawaran bagi hasil-hasil ini akan bertambah dan memerlukan pusat khas untuk mempamerkan dan memasarkannya.

13.2.4 Memandangkan masa depan industri. Kraftangan adalah cerah[2], sekiranya hasil hasil kraftangan dapat dikumpul di satu pusat khas (Pasar Seni) sudah tentulah prospek masa depan pasar seni itu sendiri juga turut menjanjikan masa depan yang cerah.

---

1 "Hasil kraftangan Sarawak akan diperlukan", Berita Harian, 12 Sept 1985. Hal 13.

2 "Masa depan Industri Kraftangan cerah", Harian Nasional, 22 Jun 1985. Hal 10

13.3 Tapak

Tempat yang penyelidik cadangkan untuk mendirikan Pasar Seni ialah di satu kawasan dengan tapaknya seluas lebih kurang 26136 meter persegi. Kawasan ini adalah merupakan kawasan kedai-kedai yang telah dibina atas kerjasama pihak BINA dan MARA.

Antara sebab kenapa pihak penyelidik memilih kawasan ini ialah ,

13.3.1 Kedudukannya yang sesuai dan strategik iaitu terletak di tengah tengah pusat bandar Kuching. Kedudukan tapak ini adalah berhampiran dengan perhentian bas dan ini sudah tentu menjamin lebih ramai orang untuk berkunjung ke kawasan tersebut.

13.3.2 Memandangkan sejak siap dibina, kedai BINAMARA tidak beroperasi seperti sepatutnya. Di mana sehingga kini masih banyak lagi ruang ruang kedai yang masih kosong tidak disewa. Begitu juga dengan nasib para perniaga yang boleh diibaratkan sebagai 'hidup segan mati tak mahu'. Mereka telah mengalami kemerosotan dan kerugian dalam perniagaan mereka dan ramai yang telah menutup perniagaan mereka. Jadi cadangan penyelidik adalah lebih baik kawasan ini diubah suai untuk dijadikan Pasar Seni daripada ianya terbiar begitu sahaja.

Untuk mengatasi masalah mereka yang telah menyewa ruang-ruang kedai di kawasan kedai BINAMARA, mereka ini boleh dipindahkan dan diberi peluang untuk

mengisi ruang-ruang kedai yang kosong di pusat pusat membeli belah seperti di Wisma Saberkas, Kuching Plaza, Sarawak Plaza dan lain-lainnya.

## 13.4 Rekabentuk

Rekabentuk yang dicadangkan adalah berasaskan kepada seni rekabentuk tempatan. Ciri-ciri rekabentuk tempatan digunakan bagi menonjolkan identiti Sarawak yang tersendiri. Konsep rekabentuk rumah panjang yang unik disamping beberapa rekabentuk yang lain disesuaikan dengan keadaan alam sekitar.

### 13.4.1 Ruang Dalam

Pada bahagian dalam, konsep ruang dalam rumah panjang digunakan di mana ianya dibahagikan kepada beberapa buah pintu sebagai ruang niaga.

Sementara ruang legar yang luas juga disediakan untuk memudahkan aliran keluar masuk pengunjung-pengunjung. Ruang legar ini juga digunakan sebagai tempat pameran dan pertunjukan disamping beberapa gerai sementara. Bahan-bahan binaan tempatan seperti buluh dan nibong lebih diutamakan untuk hiasan dalam. Ini penting untuk mengujudkan suasana sebenar di dalam rumah panjang.

### 4.2 Ruang Luar

Pada bahagian luarnya pula disediakan taman rekreasi di mana pengunjung-pengunjung boleh berehat sambil menikmati suasana nyaman. Bangku-bangku duduk dan

gerai terbuka disediakan.

Di sini juga disediakan sebuah pentas kecil untuk mengadakan beberapa pertunjukan kebudayaan.

13.5 Nama

Nama yang digunakan mempunyai pengaruh yang kuat untuk menarik minat para pengunjung. Adakah merupakan langkah yang bijak jika Pasar Seni dibina dengan diberi nama "Pasar Seni Kenyalang" iaitu dengan mengambil sempena nama burung yang menjadi lambang negeri Sarawak.

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

13.6 Pengurusan

Pengurusan pasar seni hendaklah dikendalikan secara usaha sama dari pihak kerajaan dan swasta (semi government). Ini adalah untuk menjamin satu sistem yang teratur dan berkesan dapat dilaksanakan. Selain untuk memastikan pasar seni diurus secara professional iaitu dari sistem pengurusan berkomputer kepada penyelenggaraan pekerja, rancangan juga akan diatur untuk mengadakan aktiviti-aktiviti yang menarik. Setiap rancangan aktiviti aktiviti akan disiarkan di akhbar tempatan dan risalah bulanan pasar seni itu sendiri. Ini untuk memastikan lebih ramai lagi para pengunjung untuk datang ke Pasar Seni. Pasar seni di harap akan dapat menghasilkan suasana di mana daya kreativiti dan bakat dapat dicungkil dari penduduk tempatan dan pengunjung. Diharap nantinya penduduk Kuching, rakyat Sarawak

serta pelancung akan menganggap Pasar Seni sebagai milik mereka dan sebagai salah satu tempat yang perlu dalam kehidupan mereka di bandar Kuching.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kepada penemuan penemuan dari soal selidik, temubual serta tinjau rintis yang telah dijalankan, sambutan penduduk di Kuching terhadap idea untuk mendirikan sebuah Pasar Seni di Kuching adalah sangat menggalakkan. Ini adalah kerana daripada kajian, kami dapati pendedahan dan pasaran hasil-hasil seni tempatan tidak meluas dan berkesan. Kami dapati bahawa adalah menguntungkan sekiranya didirikan Pasar Seni di Kuching.

## Penutup

Dari kajian yang dijalankan secara keseluruhannya sambutan penduduk Kuching sangat menggalakkan terhadap idea penubuhan Pasar Seni.

Namun begitu usaha untuk mengadakan pasar seni, semua pihak hendaklah sanggup berkorban dari segi fizikal dan mental. Ini adalah untuk memastikan pembinaannya tidak akan merupakan sesuatu yang membazir dari segi kos pembinaan dan penyelenggaraannya. Dari apa yang telah didapati daripada penyelidikan, adalah merupakan sesuatu yang menguntungkan sekiranya dibina Pasar Seni di Kuching. Ini adalah kerana Pasar Seni dijangka mempunyai prospek masa depan yang cerah. Ini sudah tentu dapat menyumbang pendapatan bukan sahaja kepada para peniaga yang terlibat tetapi juga kepada negeri Sarawak.

Dengan ini, pengusaha-pengusaha kraftangan dan lain-lain hasil seni bolehlah menjadikan bakat seni mereka sebagai sumber pendapatan dan kerjaya yang tetap.

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

KAJIAN PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN

Selamat pagi/tengahari/petang/malam

Kami adalah penuntut tahun akhir dari Institut Teknologi MARA sedang mengendalikan penyelidikan bertajuk 'Kemungkinan untuk mengadakan Pasar Seni di Kuching.
Ianya adalah untuk memenuhi kehendak kursus Diploma In Business Studies.
Projek ini adalah untuk tujuan ilmiah oleh itu sebarang maklumat adalah terpelihara dan dianggap sulit.

Ketepatan hasil penyelidikan ini adalah bergantung sepenuhnya kepada sambutan anda.Kerjasama anda adalah mustahak untuk menghasikan keputusan yang jitu dan bermanafaat.
Oleh yang demikian kami berbesar hati sekiranya anda dapat melua ngkan sedikit masa untuk menjawab soal selidik ini.

Panduan

a) Isikan butir butir yang berkenaan di tempat yang telah disediakan.

b) Tandakan ( ✓ ) di kotak kotak yang telah disediakan
Mark ( ✓ ) in the appropriate boxes.

Terima kasih atas kerjasama tuan/puan dalam menjayakan projek kami.

Thank you for the cooperation given by you in making our project a success.

BAHAGIAN A / SET A

1. Jantina / Sex
   a) Lelaki / Perempuan ( )
   b) Perempuan / Female ( )

2. Umur / Age
   a) 15 - 20 ( )
   b) 21 - 30 ( )
   c) 31 - 40 ( )
   d) 40 ( )

3. Bangsa / Race
   a) Melayu/Melanau ( )
   b) Iban (Da yak Laut) / Sea Dayak ( )
   c) Dayak Darat / Land Dayak ( )
   d) Cina / Chinese ( )

4. Taraf perkahwinan / Marital Status
   a)Bujang / Single ( )
   b)Kahwin / Married ( )
   c)Janda / Duda / Divorced ( )

5. Kerjaya / Profession
   a) Pelajar / Student ( )
   b) Perkeranian / Clerical ( )
   c) Pegawai / Officer ( )
   d) Lain lain.Nyatakan/Others.
   Please state............................

6. Pendapatan / Income
   a) $200 ( )
   b) $200 - $400 ( )
   c) $401 - $600 ( )
   d) $601 - $900 ( )
   e) $900 ( )

7. Agama / Religion

   a) Islam / Muslim ( )

   b) Kristian / Christian ( )

   c) Buddha / Buddhist ( )

   d) Lain lain.Nya takan/
      Others.Please state........................

BAHAGIAN B / SET B

8. Adakah anda pengemar seni?
Are you interested in Art?
a) Ya / Yes ( )
b) Tidak / No ( )

9. Adakah anda mempunyai bakat Seni ?
Do you have any Art talent ?
a) Ya / Yes ( )
b) Tidak / No ( )
Jika TIDAK terus ke soalan 12
If NO proceed to question 12.

10. Adakah anda ingin untuk mempamirkan bakat seni anda ?
Do you wish to exhibit your Art talent ?
a) Ya / Yes ( )
b) Tidak / No ( )

11. Adakah anda ingin untuk menjadikan bakat Seni anda sebagai sumber pendapatan ?
Do you wish to make your Art talent as a sources of income ?
a) Ya / Yes ( )
b) Tidak / No ( )
Jika TIDAK, nyatakan samada
If NO, state whether
Tetap / Regular ( ) Sampingan / Part Time ( )

12. Pernahkah anda menyaksikan pameran/pertunjukkan Seni ?
Have you ever attend an Art exhibition ?
a) Pernah / Yes ( )
b) Tidak pernah / No ( )
Jika TIDAK PERNAH ,terus ke soalan 17.
If NO , proceed to question 17.

13. Bilakah pamiran selalu dibuat di tempat anda ?
When do the exhibition usually held at your place ?
a) Setiap Masa / Every time ( )
b) Hari tertentu / Special occasion ( )

14. Dimana pamiran / pertunjukkan Seni selalu di buat ?
Where does the exhibition usually held ?
a) Muzium / Museum ( )
b) Pusat membeli belah / Shopping Complex ( )
c) Tempat sementara / Temporary place ( )
d) Pusat pelancungan / Tourist Centre ( )
e) Lain-lain. Nyatakan / Others. Please state
........................................

15. Siapakah yang sering membuat pamiran hasil-hasil Seni di tempat anda ?
Who usually held the Art exhibition at your place ?
a) Persatuan-persatuan Seni / Art assiociations ( )
b) Orang Perseorangan / Individual ( )
c) Lain-lain. Nyatakan. / Others. Please state. ( )
........................................

16. Adakah anda berpuashati terhadap persembahan pamiran atau pertunjukkan Seni yang pernah anda saksikan ?
Are you statisfy with the exhibition that you seen/ attend ?
a) Ya / Yes ( )
b) Tidak / No ( )
Jika TIDAK, sila nyatakan / If NO, please state
........................................
........................................

17. Bagaimanakah anda didedahkan kepada Seni budaya tempatan selain dari pamiran yang dibuat ?
How do you exposed with the local cultural Art other than the exhibition ?
(Boleh tanda lebih dari satu / You can tick more than one )

a) Televisyen / Television ( )
b) Radio / Radio ( )
c) Majalah / Magazine ( )
d) Suratkhabar / Newspaper ( )
e) Risalah / Phamplet ( )
f) Lain-lain. Sila nyatakan / Others. Please state.
..................................................

18. Adakah terdapat pasaran bagi hasil-hasil Seni ditempat anda ?
Is there any market for Art products at your place ?

a) Ya/ Yes ( )
b) Tidak / No ( )

19. Bilakah usaha memasarkan hasil-hasil Seni selalu dibuat ?
When usually the marketing activity of Art product is carried out ?

a) Setiap hari / Every day ( )
b) Hari-hari tertentu / Special occasion ( )

20. Dimanakah usaha memasarkan hasil-hasil Seni dibuat ?
Where are it marketed ?

a) Pasar Minggu / Sunday Market ( )
b) Pusat membeli belah / Shopping Complex ( )
c) Muzium / Museum ( )
d) Pusat pelancungan / Tourist Centre ( )
e Tempat Pamiran / Exhibition Centre ( )

21. Siapakah yang sering memasarkan hasil-hasil Seni di tempat anda ?
Who usually market Art products at your place ?
a) Pekadai /Shop owner ( )
b) Pemborong ( Orang Tengah )/ Middleman ( )
c) Karyaneka / 'Karyaneka' ( )
d) Badan badan tertentu / Other agency ( )
e) Pembuat hasil Seni / Craftman ( )

BAHAGIAN C / SET C

22. Pada pendapat anda, adakah usaha yang telah dilakukan selama ini untuk membuat pendedahan Seni tempatan berkesan dan meluas ?
In your opinion, is the effort in exposing local Art effectively carried out ?
a) Ya / Yes ( )
b) Tidak /No ( )
Jika TIDAK, sila nyatakan sebab. / If No,please state why.........................................
.................................................
.................................................

23. Pada pendapat anda adakah pasaran bagi hasil-hasil Seni tempatan dibuat secara meluas ?
In your opinion, is the local Art products being widely marketed ?
a) Ya / Yes ( )
b) Tidak / No ( )
Jika TIDAK, sila nyatakan sebab. / If No please state why. ....................................
.................................................
.................................................

24. Adakah anda setuju sekiranya diadakan satu Pusat Seni khas untuk mempamirkan seterusnya memasar hasil-hasil Seni penduduk tempatan ?
Do you agree if there is a special place to exhibit and market the local Art product ?
a) Ya / Yes ( )
b) Tidak / No ( )

25. Adakah menguntungkan masyarakat tempatan sekiranya diadakan pusat khas untuk mempamirkan serta memasarkan hasil-hasil Seni tempatan ?
Is it profitable to local people if there is a special place to exhibit as well as to market their Art product ?
a) Ya / Yes ( )
b) Tidak / No ( )

LAMPIRAN 2

| DEGREE OF FREEDOM | P = 0.99 | 0.98 | 0.95 | 0.90 | 0.80 | 0.70 | 0.50 | 0.30 | 0.20 | 0.10 | 0.05 | 0.02 | 0.01 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | | | | | | | | | | | 3.881 | | |
| 2 | | | | | | | | | | | 5.991 | | |
| 3 | | | | | | | | | | | 7.815 | | |
| 4 | | | | | | | | | | | 9.43 | | |
| 5 | | | | | | | | | | | 11.095 | | |
| 6 | | | | | | | | | | | 12.592 | | |
| 7 | | | | | | | | | | | 14.067 | | |
| 8 | | | | | | | | | | | 15.592 | | |
| 9 | | | | | | | | | | | 16.919 | | |
| 10 | | | | | | | | | | | 18.307 | | |
| 11 | | | | | | | | | | | 19.678 | | |
| 12 | | | | | | | | | | | 21.025 | | |
| 13 | | | | | | | | | | | 22.362 | | |
| 14 | | | | | | | | | | | 23.685 | | |
| 15 | | | | | | | | | | | 21.998 | | |

JANTINA




SUMBER:ANALISA SOAL SELIDIK

UMUR




SUMBER:A NALISA SOAL SELIDIK

BANGSA




SUMBER:A NALISA SOAL SELIDIK

## TARAF PERKAHWINAN




SUMBER: ANALISA SOAL SELIDIK

KERJAYA




| | |
|---|---|
| ******* | Lain-Lain |
| VVVVVVV | Perkeranian |
| £££££££ | Pelajar |
| ——— | Pegawai |

SUMBER:ANALLISA SOAL SELIDIK

PENDAPATAN



AGAMA



ADAKAH ANDA PEMGEMAR SENI







SUMBER: ANALISA SOAL SELIDIK

ADAKAH ANDA MEMPUNYAI BAKAT SENI




SUMBER : ANALISA SOAL SELIDIK

INGIN UNTUK MEMPAMERKAN BAKAT SENI ?




SUMBER : ANALISA SOAL SELIDIK

INGIN JADIKAN BAKAT SEBAGAI SUMBER PENDAPATAN




S UMBER. ANALISA SOAL SELIDIK


42.97. %
57.03 %
Sampingan
Tetap

PERNAHKAH ANDA MENYAKSIKAN PAMERAN SENI




SUMBER : ANALISA SOAL SELIDIK

BILAKAH PAMERAN SELALU DIBUAT




| | |
|---|---|
| ***** | Hari tertentu |
| ——— | Setiap Masa |

SUMBER : ANALISA SOAL SELIDIK

DI MANAKAH PAMERAN SENI SELALU DIBUAT




SUMBER : A NALISA SOAL SELIDIK

SIAPAKAH SERING MEMBUAT PAMERAN.




Persatuan persatuan seni

Orang orang perseorangan

Lain lain

SUMBER : ANALISA SOAL SELIDIK

ADAKAH BERPUASHATI TERHADAP PAMERAN YANG TELAH DISAKSIKAN




S UMBER : ANALISA SOAL SELIDIK

PENDEDAHAN KEPADA SENI SELAIN DARI
USAHA PAMERAN



ADAKAH TERDAPAT PASARAN HASI HASIL SENI




SUMBER : ANALISA SOAL S ELIDIK

BILAKAH USAHA UNTUK MEMASARKAN HASIL SENI DIBUAT




| | |
|---|---|
| ****** ****** | Hari tertentu |
| ═══ | Setiap Masa |

SUMBER : ANALISA SAOL SELIDIK

DI MANAKAH PEMASARAN HASIL SENI SELALU DIBUAT




SUMBER : ANALISA SOAL SELIDIK

SIAPAKAH YANG SERING MEMASARKAN HASIL SENI







SUMBER : ANALISA SOAL SELIDIK

ADAKAH PENDEDAHAN DIBUAT SECARA MELUAS DAN BERKESAN




SUMBER : ANLISA SOAL SELIDIK

ADAKAH PASARAN HASIL HASIL SENI MELUAS




SUMBER : ANALISA SOAL SELIDIK

SETUJU SEKIRANYA DIADAKAN PASAR SENI




Ya

Tidak

SUMBER : ANALISA SOAL SELIDIK

ADAKAH PASAR SENI MENGUNTUNGKAN SEKIRANYA DIBINA




SUMBER ; ANALISA SOAL SELIDIK




Bahagian Perkhidmatan Pembaca
(Bangunan Tambahan)
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Institut Teknologi MARA
Shah Alam.

| | |
|---|---|
| A | MASJID NEGERI SARAWAK |
| B | STESYEN MINYAK SHELL |
| C | PERHENTIAN BAS |
| X | TAPAK YANG DICADANGKAN |



LAMPIRAN 5




TEMBIKAR



UKIRAN KAYU



UKIRAN BULUH

KAIN PUA




PUA
KUMBU



## ANYAMAN








*Rattan Handicrafts* 籐器

# KEBUDAYAAN KAUM IBAN

LAMPIRAN 6
















# Masa depan indus kraftangan cera

**KUCHING 26 Jun — Industri kraftangan di Sarawak semakin berkembang sehinggakan pegawai-pegawai yang terlibat dengan kemajuannya berani meramalkan satu masa depan yang terjamin untuk perusahaan itu.**

Jika dulu bidang ini hanya bertumpu semata-mata kepada pengeluaran untuk mengisi masa lapang, tetapi kini ia telah memasuki satu era perdagangan yang boleh memberikan pulangan yang lumayan kepada pengusahanya.

Sudah menjadi kebiasaan bagi para pengunjung ke Sarawak untuk membawa pulang sekurang-kurangnya satu daripada pelbagai jenis barang kraf yang terdapat di negeri ini.

"Ini adalah satu contoh bahawa hasil kraftangan Sarawak kini mendapat perhatian peminat-peminat," kata Encik Mohamed Azmi Ibrahim, Pengurus Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, cawangan Sarawak.

Beliau mengakui bahawa sejak akhir-akhir ini permintaan untuk barang-barang seperti anyaman bakul, tikar, topi serta ukiran daripada buluh, kayu atau gading dan tanduk semakin meningkat.

Tidak kurang popularnya ialah tenunan songket dan selimut kaum Iban atau lebih dikenali sebagai Pua Kumbu selain bahan-bahan daripada manik, tanah liat, kulit binatang, logam, kulit siput, sabut, lidi dan tempurung.

Encik Azmi berkata pihaknya menghadapi masalah mendapatkan bekalan yang mencukupi bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

"Barang-barang dari sini didapati laris sekali dijual di kedai Sarawak di Kuala Lumpur," katanya.

Lebih membanggakan lagi ialah barang-barang ini kini berjaya memasuki pasaran luar negeri dan menurut pegawai-pegawai, orang-orang Jepun dan Eropah adalah antara para penggemarnya.

Para pengusahanya pula bukan saja terhad kepada kaum lelaki, malah di Kapit, dalam Bahagian Ketujuh misalnya, seorang suri rumah telah menjadi pembuat yang utama.

Puan Rose Unyang, ibu kepada dua orang anak, telah membuktikan kebolehannya menghasilkan barang-barang yang bermutu tinggi dengan memenangi satu pertandingan kraftangan di tempatnya minggu lalu.

Kejayaan Puan Unyang mendorong anak bongsunya, Joseph, 19 tahun, untuk turut menceburi perusahaan itu secara aktif.

Beliau kini mempelajari selok-belok seni ukiran kayu di Perbadanan Kemajuan Kraftangan Sarawak di sini.

Beliau juga bercita-cita membuka perniagaannya sendiri menjual hasil buatannya. Seperti juga ibunya, Joseph menjangka bahawa pasaran untuk bahan-bahan itu akan menjadi masalah utama bagi mereka.

Dalam soal membantu pengusaha-pengusaha ini, beberapa agensi kerajaan terlibat langsung seperti perbadanan kraftangan, Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan, MARA, Karyaneka, KEMAS, Jabatan Koperasi dan Perkumpulan Wanita.

Bantuan yang diberi termasuk khidmat nasihat, pemasaran, latihan dan kewangan.

"Galakan kerajaan dan badan-badan lain, akan menjamin kemajuan perusahaan ini pada masa depan," kata Encik Azmi — Bernama.

# Hasil kraftangan Sarawak akan diperhebat

KUCHING, Selasa — Industri kraftangan di Sarawak akan diperhebatkan sejajar dengan kehendak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya ia dijadikan satu punca pendapatan penduduk luar bandar.

Dalam hubungan ini, Kerajaan Negeri akan melatih lebih ramai penduduk luar bandar, khususnya wanita untuk menyertai secara cergas dalam perusahaan membuat bahan-bahan daripada rotan, buluh atau kayu.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri, Hajah Hafsah Harun selaku pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Kraftangan Sarawak menyambut baik syor Perdana Menteri agar lebih ramai penduduk di sini digalakkan menyertai industri yang menggunakan buluh, rotan atau kayu yang banyak di negeri ini.

Ketika berucap kepada penduduk Kota Samarahan, Ahad lalu sempena lawatan rasminya ke Sarawak, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau ingin melihat negeri ini menggunakan kekayaan hutannya untuk membangunkan industri kraftangan kerana ia boleh menambah pendapatan penduduk.

Pengurus Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak, Encik Mohamed Azmi Ibrahim berkata, bagi memenuhi hasrat Perdana Menteri itu, pihaknya akan menubuhkan sebuah pusat guna-sama di Belaga dalam Bahagian Ketujuh untuk kemudahan penduduk di situ berkecimpung dalam bidang kraftangan.

Pusat berkenaan menyediakan alat-alat seperti mesin memotong buluh dan juga menjadi tempat pengumpulan barang-barang hasil keluaran penduduk di sekitar pekan itu.

Selain itu, kursus-kursus jangka pendek juga diadakan di pusat itu bagi menentukan ketinggian mutu keluaran penduduk yang terbabit.

Encik Azmi berkata, sebuah pusat seperti itu telah dibuka di Kampung Piching dan dua lagi di peringkat perancangan.

## Mutu

Sementara itu, Pejabat Kemajuan Negeri menyediakan peruntukan $8,000 untuk mengadakan khemah kerja kraftangan bagi penduduk tiga kampung dekat sini.

Jurutunjuk dari Perbadanan Kemajuan Kraftangan Sarawak akan ditugaskan mengajar penduduk di situ mengenai cara-cara menggunakan bahan-bahan tempatan untuk kerja anyaman atau ukiran.

Bagi menyedarkan penduduk di sini mengenai potensi kraftangan sebagai salah satu punca pendapatan, perbadanan itu dengan kerjasama Kerajaan Negeri akan mengadakan satu pertandingan dan pameran kraftangan peringkat negeri di sini mulai Sabtu ini.

[illegible]

LAMPIRAN 7

AKTIVITI-AKTIVITI

DI CENTRAL MARKET

KUALA LUMPUR.




CENTRAL MARKET
PROGRAM KEBUDAYAAN
CENTRAL MARKET



PROJEK PELAJAR/THESIS







FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN





FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN





PUSAT SENI LUAR NEGERI














Biblograpy
-----------

Cochran, Willian G. : Sampling Techniques, 2nd ed. New York John Wiley & Son Inc 1963

"Hasil Kraftangan Sarawak akan diperluas," Berita Harian, 12 Sept 1985. Hal. 13

Iskandar, Dr Teuku., : Kamus Dewan Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka 1984

"Masa Depan Industri Kraftangan Cerah," Harian Nasional, 22 Jun 1984. Hal. 10

Noe, Hassan Mat. : Sarawak Satu Pengenalan tentang penduduknya, Dewan Budaya, 1 Ogos 1982.

Suprantu, J. : Kaedah Penyelidikan Kuala Lumpur Dewab Bahasa dan Pustaka 1987

Wentfall, Boya and Stach. : Marketing Research Text and Cases, 5th ed .